



HUTAN SIMPAN ULU MUDA: PERMATA NEGERI KEDAH

**Muhamad A.¹, Zainuddin J.², Mohd Asri Y.³, Nor Shahrini N.A.⁴ &
Fatin Afiqah R.⁵**

¹*Jabatan Perhutanan Negeri Kedah (MALAYSIA)*

²*Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, W.P. Kuala Lumpur (MALAYSIA)*

Email: matdollah@forestry.gov.my, zainuddinj@forestry.gov.my, asri@forestry.gov.my, shahrini@forestry.gov.my, fatin.afiqah@forestry.gov.my

ABSTRACT

Hutan Simpan (HS) Ulu Muda terletak di persempadanan antara Malaysia dan Thailand dengan keluasan seluas 105,059 hektar dan ianya terbahagi kepada dua (2) pengkelasan hutan iaitu Hutan Pengeluaran seluas 88,232 hektar manakala Hutan Perlindungan adalah seluas 16,827 hektar. Berdasarkan keluasan Hutan Perlindungan ini, ianya juga telah diwartakan kepada beberapa pengkelasan hutan seperti Hutan Perlindungan Tanah, Hutan Tadahan Air, Hutan Simpanan Dara dan Hutan Taman Negeri. HS Ulu Muda merupakan elemen penting sebagai kawasan tadahan air bagi memenuhi keperluan empangan yang dikenali sebagai Empangan Muda. Dalam konteks pengurusan HS Ulu Muda, terdapat beberapa usaha Jabatan Perhutanan Negeri Kedah untuk menjamin pengurusan hutan secara mampan berasaskan tiga (3) tunjang utama bagi Pengurusan Hutan Secara Berkekalan 'Sustainable Forest Management (SFM)' selaras dengan Matlamat Pembangunan Lestari 'Sustainable Development Goals' (SDGs). Tiga (3) tunjang utama tersebut adalah pengurusan secara mampan bagi aspek ekologi, ekonomi dan sosial. Jabatan Perhutanan Negeri Kedah juga telah melaksanakan beberapa inisiatif bagi skop pengusahasilan balak dengan menggunakan beberapa kaedah terbaik yang hanya dipraktikkan di kawasan usahasil HS Ulu Muda sahaja bagi mengurangkan impak pembalakan iaitu dengan menggunakan kaedah 'logfisher' dan pertambahan kelebaran bagi zon penampungan sungai. Secara tidak langsung, ianya dapat memastikan kelestarian biodiversiti dipelihara tanpa menjejaskan kutipan hasil Kerajaan Negeri Kedah. Seajar dengan itu, taraf ekonomi komuniti setempat juga dapat ditingkatkan melalui kebergantungan komuniti setempat terhadap hasil bukan kayu serta sektor perikanan dan ekopelancongan yang telah dibangunkan di sekitar HS Ulu Muda.

Kata kunci: Ekologi, sosial, ekonomi, komuniti setempat HS Ulu Muda.